**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 21 FEBRUARI 2017 (SELASA)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - KRT Zon Pandan, Kolej Antarabangsa YPC meterai MoU | 41 |
| **The Star** | |
| - Malfunctioning streetlight at Cheras roundabout finally fixed | 04 |
| - Library on wheels to make its rounds | 04 |
| **Harian Metro** | |
| - Kereta ‘ditelan’ bumi | 02 |
| **Berita Harian** | |
| - ‘Banyak kali lapor,tanah mendap juga’ | 12-13 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 21 FEBRUARI 2017 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | KRT Zon Pandan, Kolej Antarabangsa YPC meterai MoU |
| Muka Surat | 41 |

# KRT Zon Pandan, Kolej Antarabangsa YPC meterai MoU



Robert (depan, enam kanan) bersama wakil dan pengerusi KRT di bawah Zon Pandan pada majlis menandatangani MoU antara kedua-dua pihak di Kolej Antarabangsa YPC, Sabtu lalu.

SH 21/2/17 MS 41.

**AMPANG** - Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan mencipta sejarah apabila berkolaborasi dengan Kolej Antarabangsa Yayasan Pelajaran Cheras (YPC) dalam agenda kerjasama rakan strategik.

Pengarah Kolej Antarabangsa YPC, Datuk Dr Noel Robert berkata, pihaknya akan menyediakan dana kewangan untuk dimanfaatkan KRT Zon Pandan apabila ada kemasukan pelajar baharu dari kawasan KRT berkenaan ke institut pengajian tinggi (IPT) itu.

"Kewujudan KRT banyak membantu komuniti, selepas berbincang bersama mereka wujud kerjasama daripada segi pendidikan. Kita turut beri kemudahan fasiliti untuk kegunaan KRT sebagai aktiviti motivasi atau program lain," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara KRT Zon Pandan dan Kolej Antarabangsa YPC di kolej berkenaan, Sabtu lalu.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa melaksanakan kerjasama bagi membantu komuniti setempat.

"Ia sebagai satu permulaan, kita berharap ada program lain khususnya dari segi pendidikan dan latihan akan diadakan bersama KRT Zon Pandan," katanya.

Pengerusi Penyelaras KRT Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor berkata, program ini melibatkan 16 KRT di bawah Zon Pandan.

"KRT ini secara umum diketahui banyak mengadakan program kemasyarakatan khususnya kebajikan dan keselamatan, kita juga mahu mencari peluang mendekatkan diri dengan IPT sebagai produk baru kepada KRT.

"Ia boleh bantu memudahkan proses penglibatan anak muda dalam program diadakan," katanya.

Tambahnya, kemudahan asas untuk KRT di Selangor juga agak terhad, penawaran dari Kolej Antarabangsa YPC menggunakan fasiliti itu adalah peluang yang baik untuk KRT Zon Pandan.

"Kita tidak perlu risau lagi untuk mencari tempat bagi mewujudkan program komuniti, ini juga merupakan satu peluang untuk KRT Zon Pandan meningkatkan dana untuk aktiviti kemasyarakatan," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>21 FEBRUARI 2017 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Malfunctioning streetlight at Cheras roundabout finally fixed |
| Muka Surat | 04 |

# Malfunctioning streetlights at Cheras roundabout finally fixed

TS 21/2/17 MS 04

By YVONNE T. NATHAN
yvonne.n@thestar.com.my



Taman Seraya residents say the streetlights leading up to the Taman Mawar roundabout have not been lit for at least six months. The issue, however, has been resolved as shown in this photo.

BUSINESS owners and residents of Taman Seraya in Cheras, Kuala Lumpur are unhappy that the Taman Mawar roundabout nearby has gone unlit for several months and has become an accident-prone intersection.

However, after making a routine check, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) said this was not the case.

Residents in the surrounding areas also claimed that several streetlights around Taman Muda had not been working for around six to nine months, resulting in a slew of minor road accidents.

Meanwhile, business owners in the area said they feared this might encourage robberies.

Bukit Permai resident Chun Yew Leong, 34, said the whole stretch leading up to the roundabout had not been lit for more than half a year.

"The junction has become very unsafe, not only for motorists, but also for motorcyclists and people walking along the street because it is too dark. Once, I saw a motorcyclist fall into a drain along the side of the roundabout," said Chun.

Liew Chee Lim, 65, who uses the roundabout at around 11.30pm every night on his way home, said he had often witnessed minor accidents and close calls.

"I have seen cars at the roundabout knock into each other at night because the drivers could not see what was in front of them.

"There have been times when people intentionally cause an accident to rob victims," he said.

Motorcycle repair shopowner Teo Leong Foo, 55, said he and his employees had witnessed minor accidents, sometimes about three to four times a week, from his shop which overlooks the roundabout.

"Aside from that, there have been times – once on Jan 28 and another time on Feb 3 – when our cars were broken into.

"Thieves would break into cars every few months along the dark streets," he said, referring to the commercial area along Jalan Bunga Tanjung.

Teo said because it was too dark, he usually sprinted from his car to his shoplot at night for fear of being mugged.

Teratai Gerakan public complaints bureau chief Ben Liew said they had received complaints from residents these past few months, and had contacted MPAJ but with no results.

"The roundabout is a main junction that people use to get to Taman Muda, Bukit Permai and Taman Seraya.

"It is an important junction that at least more than a few thousand cars pass through each month.

"The lack of lighting creates the chance for accidents and criminals who take advantage of the situation to rob others.

"There are 46 streetlights in the area, 12 of which belong to Tenaga Nasional Bhd, with 10 of them still functioning," he added.

Of the remaining 34 streetlights belonging to the council, 25 were not functioning, Liew said.

"Why can't MPAJ help when it is the council that collects the third highest amount of assessment fees?" he asked.

When contacted, a representative from MPAJ said the streetlights were under the Hulu Langat Public Works Department (JKR).

"MPAJ has already informed JKR to take further action – after checking the area, we found the streetlights at the Taman Mawar roundabout to be lighted.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>21 FEBRUARI 2017 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Library on wheels to make its rounds |
| Muka Surat | 04 |

# Library on wheels to make its rounds

## Four specially designed vans to visit low-cost flats in PJ, Ampang Jaya and Selayang

TS 21/2/17 NAS 04.

**Story and photo by NOEL FOO**
noelfoo@thestar.com.my

THE Smart Selangor Mobile Libraries will be visiting low-cost flats (PPR) in Petaling Jaya, Ampang Jaya and Selayang starting next week.

Under the Selangor Best programme, four redesigned vans provided by the state government will cover 35 locations in the three areas on a rotational basis.

Representatives of joint management bodies (JMB) and management corporations (MC) for the low-cost flats were invited to the Raja Tun Uda Library in Shah Alam on Saturday to attend a briefing on the programme's implementation and witness the signing ceremony for the handover of the Selangor Best mobile libraries.

The signing ceremony took place between the Selangor Housing and Real Estate Board (LPHS) and Selangor Public Library Corporation (PPAS), and was witnessed by Housing, Building Management and Urban Living Committee chairman Datuk Iskandar Abdul Samad.

Iskandar said the mobile libraries would cater mostly for youths, as previous projects found that it was more effective to reach out to youths than adults.

"We want to focus on youths and we hope that the positive effects will spill over to adults. We want the youths to be our catalyst; our agents of change," said Iskandar.

He added that RM1.4mil was allocated by the state government for the setting up of the four mobile libraries, and the running cost for the project is about RM350,000 per year.

Each mobile library will carry about 1,400 titles covering a wide variety of topics and in various languages. Each visitor can borrow up to 10 items at any one time.

The mobile libraries are air-conditioned and equipped with computers with Internet access. It also has tables, chairs and bean bags set up at the assigned locations for a couple of hours to provide visitors with a range of activities.

Selangor Public Library Corporation director Mastura Muhamad said the four mobile libraries would head to low-cost flats.

She said the facility was expected to serve 1.1 million people in those neighbourhoods.

"I hope people will use the mobile libraries because in the UK, it helped reduce crime by introducing lots of programmes for youths," said Mastura.

She added that besides the four mobile libraries, the state government was planning to add another three in the future, to serve other areas in Selangor.



The new Smart Selangor Mobile Libraries will operate by parking at designated locations and setting up tables, chairs and bean bags for members of the public to use in comfort.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>21 FEBRUARI 2017 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Kereta 'ditelan' bumi |
| Muka Surat | 02 |



# Kereta 'ditelan' bumi

## ■ Keluarga tergamam jalan depan rumah mendap mendadak susulan paip pecah



Nadzreen Shah Mat Salim
am@hmetro.com.my

**Ampang Jaya**

"Saya tergamam sejurus mendapati kereta kami ditelan bumi. Kejadian berlaku ketika kami sekeluarga sedang tidur," kata Aezy Mazura Musa, 43.

Dalam kejadian jam 3 pagi semalam, kejadian paip pecah menyebabkan jalan di hadapan rumah mangsa di Jalan Nirwana 9, Taman Nirwana, di sini, mendap mendadak.

Aezy berkata, dia mulanya terdengar bunyi pelik di atas bumbung rumahnya sebelum menghubungi polis kerana menyangka ada perompak mahu memecah masuk kediamannya.

Menurutnya, dia dan suaminya, Raja Zazman Shah Raja Chik, 41, segera turun ke tingkat bawah kediaman sebaik polis tiba di hadapan rumah mereka.



KERJA baik pulih paip pecah dijalankan.



TANAH mendap akibat paip pecah di Jalan Nirwana 9, Taman Nirwana, semalam.

"Bagaimanapun, kami terkejut apabila melihat kereta Hyundai Getz kesayangan kami ditelan tanah susulan kejadian paip pecah.

"Paip yang pecah mengakibatkan air mulai melimpah masuk ke kawasan parkir kediaman. Saya dan suami menghubungi pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) untuk mengatasi masalah itu," katanya.

Menurutnya, dia menetap di situ sejak lapan tahun lalu dan kali pertama berlaku di hadapan rumahnya.

"Itu kejadian paling buruk pernah berlaku di kawasan itu walaupun pernah ada beberapa kejadian paip pecah sejak bulan lalu," katanya.

Suaminya, Raja Zazman Shah Raja Chik, 41, berkata, dia mengarahkan lima anaknya untuk keluar dari rumah kerana bimbang perkara buruk berlaku.

"Saya turut me[...] kerja SYABAS me[...] jengkaut untuk m[...] luar kereta dari da[...] berkenaan.

"Sebaik sahaja [...] dialihkan, tanah [...] san berkenaan t[...]

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**21 FEBRUARI 2017 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | 'Banyak kali lapor,tanah mendap juga' |
| Muka Surat | 12-13 |



# HALAMAN KOTA

Reaksi



Sebelum ini bahagian depan rumah jiran saya runtuh, menyebabkan air paip melimpah dan masuk ke dalam rumah. Sekitar jam 3 pagi tadi (semalam), rumah saya pula, mengakibatkan kereta saya tenggelam (dalam runtuhan) akibat saluran paip yang rosak itu"

*Eazy Mazura Musa,*
*Penduduk*



Kami mahu mereka memaklumkan kepada penduduk di sini perancangan masa depan (dalam menambah baik sistem paip sedia ada). Bukan setiap kali aduan dibuat, jawapan yang kami terima hanya alasan tiada peruntukan atau tiada bajet"

*Raja Zazman Raja Chik,*
*Penduduk*





***Kerja baik pulih** di lokasi paip pecah di Taman Nirwana, Ampang, giat dijalankan.*

# 'Banyak kali lapor, tanah mendap juga'

Paip usang, bocor ancam penduduk Taman Nirwana, Ampang

**Oleh Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

**Ampang**

Penduduk di sekitar Taman Nirwana, Ampang, di sini, bimbang dengan tahap keselamatan rumah mereka selepas beberapa kejadian paip pecah menyebabkan berlaku runtuhan tanah dan beberapa bahagian rumah di kawasan itu sejak akhir bulan lalu.

Kejadian terbaru berlaku awal pagi semalam, membabitkan kediaman seorang penduduk, Eazy Mazura Musa, 43, sehingga menyebabkan bahagian hadapan pintu pagar rumahnya runtuh dan merosakkan sebuah kenderaan milik beliau.

**Penduduk trauma**

Tinjauan *BH* ke lokasi tengah hari semalam mendapati kawasan runtuhan dianggar seluas kira-kira 120 kaki persegi itu, berpunca daripada sistem paip usang yang masih tidak ditukar, dianggar berusia lebih 30 tahun.

Eazy Mazura mengakui ramai penduduk di kawasan itu mula trauma dengan apa yang terjadi sebelum ini, apatah lagi ia menyebabkan kerosakan yang boleh mengancam keselamatan mereka.

"Sebelum ini bahagian depan rumah jiran saya runtuh, menyebabkan air paip melimpah dan masuk ke dalam rumah. Sekitar jam 3 pagi tadi (semalam), pagar rumah saya pula ditimpa bencana (runtuh) mengakibatkan kereta saya tenggelam (dalam runtuhan) akibat saluran paip yang rosak itu," katanya ditemui di rumahnya, semalam.

Beliau berkata, biarpun aduan sudah dibuat berkali-kali kepada pihak berwajib termasuk Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), namun masalah itu masih gagal diatasi secara menyeluruh.

"Sebelum ini, mereka (kontraktor lantikan) ada membaiki sedikit (runtuhan) rumah jiran dan kali ini, kejadian berlaku di rumah saya pula. Jadi, sampai bila masalah paip runtuh ini akan selesai. Adakah tindakan hanya akan diambil selepas ada nyawa terkorban," katanya.

Katanya, penduduk juga sudah meminta SYABAS mengurangkan tahap tekanan air ke kawasan ini bagi mengurangkan impak tekanan kepada struktur paip, namun masalah ini masih tetap berlaku.

**Mahu Kerajaan Selangor bertindak**

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Raja Zazman Raja Chik, 41, menuntut campur tangan Kerajaan Selangor, dengan meluluskan peruntukan segera bagi membolehkan kerja penukaran paip baharu dapat dilakukan di kawasan terbabit.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan SYABAS sebelum ini, kos menukar keseluruhan paip di ka-

**ADUAN PEMBACA**

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke **bhnews@bh.com.my**



SYABAS juga akan memulakan kerja memasang injap bagi merendah dan mengawal tekanan air di kawasan itu dalam masa terdekat bagi mengurangkan impak paip pecah dan kerosakan harta benda penduduk jika masih berlaku paip pecah di situ"

***Amin Lin Abdullah,***
*Ketua Komunikasi Korporat SYABAS*



[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]



***Kontraktor SYABAS melakukan** kerja baik pulih di sekitar lokasi paip pecah di Taman Nirwana, Ampang, semalam.*

wasan itu begitu tinggi dan memerlukan masa setahun bagi proses kelulusan peruntukan daripada kerajaan negeri.

"Jika terpaksa menunggu sehingga setahun, berapa banyak lagi paip yang akan runtuh hingga menjejaskan keselamatan penduduk di sini. Mereka seharusnya datang dan melihat sendiri apa yang terjadi.

**Terima jawapan sama**

"Kami mahu mereka memaklumkan kepada penduduk di sini perancangan masa depan (dalam menambah baik sistem paip sedia ada). Bukan setiap kali aduan dibuat, jawapan yang kami terima hanya alasan tiada peruntukan atau tiada bajet," katanya.

Beliau mahu campur tangan Ahli Parlimen kawasan itu, Rafizi Ramli dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Cempaka yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad.

**Fakta nombor**

**9 RUMAH**

rosak sejak akhir bulan lalu akibat paip pecah

**30 TAHUN**

usia sistem paip usang di sekitar Taman Nirwana, Ampang,

# SYABAS pasang injap elak kejadian berulang

**Kuala Lumpur:** Kos tinggi bagi menukar semua paip usang di sekitar kawasan Taman Nirwana, Ampang menyebabkan kerja itu tidak dapat dilaksanakan buat masa ini, walaupun kawasan terbabit sudah merekodkan lebih tujuh aduan membabitkan paip pecah.

Ketua Komunikasi Korporat Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), Amin Lin Abdullah berkata tindakan yang boleh dilakukan ketika ini adalah memperbaiki dan menukar paip sedia ada.

Beliau berkata, SYABAS juga akan memulakan kerja memasang injap bagi merendah dan mengawal tekanan air di kawasan itu dalam masa terdekat bagi mengurangkan impak paip pecah dan kerosakan harta benda penduduk jika masih berlaku paip pecah di situ.

**Perlu peruntukan besar**

"Kita akui kos menukar paip di situ memerlukan peruntukan yang besar. Selepas pemasangan injap bagi merendahkan tekanan, ia akan kurangkan impak paip pecah.

"Penggantian paip baharu di tapak yang rosak juga, sedikit sebanyak dapat mengurangkan risiko paip pecah di sekitarnya," katanya.

Amin Lin berkata, pihaknya juga maklum, usia paip air jenis asbestos yang digunakan di kawasan perumahan terbabit sudah berusia lebih 30 tahun dan memerlukan pemantauan berterusan.

"Kita akan segera bertindak jika menerima aduan paip pecah terutama di kawasan terbabit dan sebahagian kerja pembaikan juga sudah diselesaikan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, kawasan perumahan berkenaan satu ketika dulu adalah tapak lombong.